KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE

## UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI**
**Y.B. TIMBALAN MENTERI**
**Y.BHG. KSU**
**Y.BHG. TKSU (PDN)**
**Y.BHG. TKSU (PUP)**
**SETIAUSAHA AKHBAR**

## 24 NOVEMBER 2021 (RABU)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

## 24 NOVEMBER 2021 (RABU)

HARI : RABU
TARIKH : 24/11/2021
M/SURAT : 13

# KPDNHEP perhebat program francais

***Mohon peruntukan tambahan untuk peserta Francais Mikro dan Francais Mampu Milik ekoran sambutan menggalakkan***

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

**Putrajaya**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan meminta peruntukan tambahan daripada kerajaan bagi Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik yang kini semakin mendapat sambutan daripada pelbagai pihak.

Ketua Setiausahanya, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, berkata ia berikutan peruntukan RM5 juta diberi kerajaan tidak mampu menampung jumlah permohonan diterima pihaknya.

Beliau berkata, untuk tahun ini sahaja pihaknya menerima 144 permohonan memulakan industri francaisor dan francaisi namun semuanya ditapis sebelum dapat diberikan bantuan.

"Sambutan kita terima daripada Francais Mikro atau Francais Mampu Milik ini menggalakkan dan nilai yang dipohon melebihi daripada apa yang diperuntukkan oleh kerajaan.

"Dengan peruntukan yang diberi, hanya lapan francaisor dan 29 franchaisi boleh dibantu, itu sahaja yang dapat KPDNHEP beri tahun ini dengan bajet RM5 juta disediakan kerajaan.

"Jadi kita buat pemilihan dan beri kepada mana-mana yang layak, jika kita dapati masih ada yang layak maka KPDNHEP akan usaha dapatkan peruntukan tambahan pada masa akan datang," katanya pada Majlis Pengumuman Senarai Akhir bagi Anugerah Francais Malaysia 2021, Isnin lalu.

Beliau berkata, peruntukan itu membantu membuka peluang kepada lebih ramai masyarakat di negara ini untuk menceburi bidang keusahawanan dan memberi nilai tambah kepada pengguna.

"Ia akan meningkatkan lebih ramai usahawan francais berdaya saing dan mencipta peluang perniagaan berdaya maju kepada golongan berpendapatan B40 serta M40," katanya.

Mengenai anugerah berkenaan, Hasnol Zam Zam berkata, ia penganjuran kali ke-23 dan tahun ini ada 53 pencalonan diterima daripada penggiat industri franchais dengan 17 kategori dipertandingkan.

"Sesungguhnya KPDNHEP melihat Program Anugerah Francais dianjurkan Persatuan Francais Malaysia (MFA) satu usaha dalam memartabatkan dan mampu mengembangkan industri francais sama ada di peringkat domestik mahupun global," katanya.

Pada majlis sama, Hasnol Zam Zam menyampaikan sijil kepada calon finalis bagi anugerah itu iaitu calon bagi kategori Rancangan Perniagaan Francais Terbaik, Universiti Malaysia Kelantan dan Universiti Utara Malaysia (UUM), Penulisan Artikel Terbaik (Cambridge English For Life dan Universiti Malaysia Kelantan), Kategori Tanggungjawab Sosial Korporat Francais Terbaik (Marrybrown dan Tealive).

Selain itu bagi kategori Inovasi Francais calonnya Globalart, Marrybrown dan Myeondong Topoki, Majikan Francais (Marrybrown dan Oldtown White Coffee), Francais Harapan Terbaik (Senheng, Globalart dan Cambridge English For Life) serta Francais Malaysia Terbaik (Senheng dan Cambridge For Life).

Turut tercalon ialah kategori Francaisor Antarabangsa Terbaik ialah Globalart dan The Manhattan Fish Market, Franchaisor Harapan Terbaik (Myeondong Topoki, Liviva dan Tealive), Fracaisi Induk Terbaik (7-Eleven) dan Francaisor Terbaik (CIC-Where Leaders Are Born, Cambridge English For Life, Globalart, Penyet Penyet.com dan Ar-Rahn).

**144**
Permohonan memulakan industri francaisor dan francaisi diterima KPDNHEP



HASNOL Zam Zam (tengah) bersama calon tersenarai ketika Majlis Pengumuman Senarai Akhir bagi Anugerah Francais Malaysia 2021.



HASNOL Zam Zam (dua dari kiri) beramah mesra dengan penerima senarai akhir Daniel Sim Lim Kit (kanan).



"Ia akan meningkatkan lebih ramai usahawan francais berdaya saing
Hasnol Zam Zam



HASNOL Zam Zam (dua dari kiri) menyampaikan sijil kepada wakil calon yang tersenarai.



DATUK Dr Radzali menerima tajaan daripada Marrybrown sambil disaksikan oleh Hasnol Zam Zam.

NEW STRAITS TIMES

HARI : RABU

TARIKH : 24/11/2021

M/SURAT : 10



Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KPDNHEP) chief secretary Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad (centre) and Malaysian Franchise Association (MFA) chairman Datuk Dr Radzali Hassan (front row, third from right) with the finalists of the Malaysia Franchise Awards 2021 in Putrajaya on Monday. PIX BY MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

# Ministry to seek more funding for franchise programme

NOOR ATIQAH SULAIMAN
**KUALA LUMPUR**
am@metro.com.my

THE Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KPDNHEP) will request for additional funding from the government for the Micro Franchise and Affordable Franchise Development Programme, which is getting good response from various parties. Its chief secretary, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, said the allocated RM5 million from the government could not cater for the applications received by the ministry. A total of 144 applications were received to kickstart the franchisor and franchisee industry this year alone but all applications were screened before the necessary aid could be channelled to them.

"We received encouraging response for the Micro Franchise and Affordable Franchise Development Programme. However, the allocation needed is more than the one set aside by the government.

"The allocated RM5 million is only enough for eight franchisors and 29 franchisees to be channelled by the ministry this year." On April 6, Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi announced that two grants would be offered, with the aim of developing more franchise packages worth RM100,000 and below and increasing the number of franchise industry players from the B40 and M40 income groups. "We select the most eligible ones, but we can see there are more applications that are eligible as well, so the ministry will try to get additional funds soon," he said during the announcement of finalists for the Malaysia Franchise Awards 2021 on Monday.

He said that the funds would help to open opportunities to more people to venture into entrepreneurship and would become an added value to the consumers. "It will increase the competition among franchise entrepreneurs and create viable business opportunities for the B40 and M40 income groups," he added.

He said the franchisor would be given a maximum fund of RM100,000 while for the franchisee, it would be between RM50,000 and RM100,000 with a financing ratio of 90:10 — 90 per cent borne by the ministry and 10 per cent contributed by the franchisee.

On the Malaysia Franchise Awards, Hasnol Zam Zam said it was organised for the 23rd time with 53 nominations received from various members of the franchise industry with 17 categories.

"KPDNHEP sees the award organised by Malaysia Franchise Association (MFA) as an effort in dignifying and growing the franchise industry both domestically and globally," he said.

He was handing over finalist certificates for Best Franchise Business Plan category to Universiti Malaysia Kelantan (UMK) and Universiti Utara Malaysia; Best Written Article category to Cambridge English For Life and UMK; and Best Franchise Corporate Social Responsibility category to Marrybrown and Tealive.

The other nominees were Globalart, Marrybrown and Myeondong Topokki for the Innovation Franchise category; Marrybrown and OldTown White Coffee for Franchise Employer category; Senheng, Globalart and Cambridge English For Life for Best Promising Franchise category; and Senheng and Cambridge English For Life for Best Malaysia Franchise category.

Other categories included the International Franchisor category for Globalart and The Manhattan Fish Market; Best Promising Franchisor category for Myeondong Topokki, Liviva and Tealive; Best Parent Franchisee category to 7-Eleven; and Best Franchisor category for CIC Where Leaders Are Born, Cambridge English For Life, Globalart, Penyet Penyet.com and Ar-Rahn.




KPDNHEP chief secretary Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad speaking at the Malaysia Franchise Awards 2021 event.



KPDNHEP chief secretary Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad witnessing the handing over of sponsorship from a sponsor to MFA chairman Datuk Dr Radzali Hassan (second from right).



KPDNHEP chief secretary Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad presenting a certificate to a representative from Bernama. With them is MFA chairman Datuk Dr Radzali Hassan. BERNAMA PIC



KPDNHEP chief secretary Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad and MFA chairman Datuk Dr Radzali Hassan speaking to one of the 17 finalists.

NEW STRAITS TIMES

HARI : RABU
TARIKH : 24/11/2021
M/SURAT : 6

# Ministry's enforcement focus on digital platforms in line with consumer trend

**THE** Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has turned to digital platforms in its enforcement and advocacy efforts, following a shift in consumer trends, the Dewan Rakyat heard yesterday.

Its deputy minister, Datuk Rosol Wahid, said consumer behaviour had seen a significant change where more online purchases were made in favour of physical shopping following movement restrictions due to the Covid-19 pandemic.

He said the ministry aimed to educate consumers to make wise decisions on purchases and exercise their rights by providing easy access to lodge complaints like unfair pricing through Ez ADU and the e-aduan portal, as well as Price Catcher app.

He said the Ez ADU app, which allows the public to lodge complaints, was being upgraded in keeping up with consumer needs and technology, citing the recent tyre price hike.

"Some consumers complained of the difference in prices of tyres pre-MCO (Movement Control Order) and post-MCO (through the app).

"Our officers have taken action and the price of tyres has seen a reduction the week after the report was lodged," he said in reply to a supplementary question from Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin (PKR-Hang Tuah Jaya).

"Meanwhile, the Price Catcher app helps consumers make price comparisons according to the types of items based on their location.

"The app, which has been downloaded by 32,000 users, helps consumers plan their purchase and be more alert to price changes.

"The MySale Tracker app contains information on the latest sales at business premises nearby," he said in reply to a question from Datuk Robert Lawson Chuat (GPS-PBB-Betong).

He said the ministry had ramped up efforts by forging a partnership with online shopping platform Shopee to disseminate consumerism information and advocacy through advertisements on social media platforms, as well as MedikTV at Health Ministry hospitals and clinics.

The ministry was also working with consumerism non-governmental organisations to hold a series of webinars for the community at all levels, undergraduates and secondary school students, he said.

He added that online sellers were responsible for displaying details like names, company registration numbers and information of their products or services in accordance with the Consumer Protection (Electronic Trade Transactions) Regulations 2012.

"Consumers are encouraged to make dealings on websites, social media or business blogs with the SSM BizTrust certificate."

LETTERS letters@thesundaily.com

# Regulate sale of self-test kits

I **READ** with interest the recent statement by Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, announcing that Covid-19 self-test kits will be made available at supermarkets, convenience stores and petrol stations.

This may seem as a practical move by the government to provide convenience to consumers by making these self-test kits easily available.

While the low price and the easy access would seem to benefit consumers, we cannot afford to take such a matter lightly without considering the potential negative repercussions.

In these trying times of Covid-19, the availability of self-test kits should of course be welcomed, however, we cannot opt for convenience at the expense of safety or quality.

Presently, self-test kits can be purchased at pharmacies, which are available in every township, suburb and residential area.

When we purchase self-test kits from pharmacies, we can rest assured that these self-test kits are approved and certified by the Malaysian Device Authority (MDA) and the Health Ministry (MoH). But when you open up these kits for sale at various other outlets, I believe somewhere along the line there will be counterfeits or kits that are not approved by the relevant authorities.

When the pandemic first broke out last year, the demand for face masks shot up drastically – with many selling them. Some of these face masks did not meet the required medical standards and did not fulfil their purpose of protection against the virus.

There were even reports of cases where face masks were produced by using recycled masks.

By analogy, if self-test kits are made available easily at multiple outlets, issues of counterfeit or unapproved kits may also arise. Even now, we hear cases of available self-test kits online that seem to give inaccurate results.

As long as Covid-19 exists, this may lead to the possibility of a black market, with no proper quality control.

We know how creative and resourceful Malaysians can be, and we do not want something as important as these self-test kits to be the subject matter of such scams that will put people at risk of a false sense of security.

As a father of two, I would feel confident buying self-test kits from a pharmacist or a proper healthcare provider, knowing that the kits would have been verified and approved by the MDA and the MoH.

At the moment, Covid-19 self-test kits are available at pharmacies. I believe this should be maintained.

Recently, I read that countries such as the UK and India imposed restrictions over the sale of self-test kits, and has been made available only at pharmacies and by certified bodies. Malaysia should follow suit.

I also wonder why the announcement to expand the sale of self-test kits to supermarkets, convenience stores and petrol stations were made by the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry and not MoH?

Shouldn't the matter of healthcare be under the MoH, especially when Health Minister Khairy Jamaluddin announced last month that pharmacies are the best place to buy Covid-19 self-test kits?

There is a contradiction between the two ministries, and it shows a lack of communication between them, that may create problems and put the public at risk.

**Adam Malek**
**Kuala Lumpur**

| | | |
|---|---|---|
| HARI | : | RABU |
| TARIKH | : | 24/11/2021 |
| M/SURAT | : | 14 |

# ‘Sudah sebulan tidak dapat beli minyak masak peket’

**PETALING JAYA** – Golongan peniaga dan pengguna di seluruh negara menyuarakan keresahan selepas bekalan minyak masak bersubsidi atau minyak masak peket berkurangan sejak sebulan lalu sehingga mengganggu aktiviti harian orang ramai.

Rata-rata pengguna merungut apabila terpaksa ‘berebut-rebut’ untuk mendapatkan bekalan berikutan stok yang terhad.

Selain itu, terdapat peniaga dan pengguna yang tidak memperolehi bekalan minyak masak peket sejak sebulan lalu.

Tinjauan *Kosmo!* di **Kota Bharu** mendapati, seorang peniaga, Natrah Awang, 55, berkata, dia sudah tidak menerima minyak masak peket di premisnya, Dinar Mini Market di Pengkalan Chepa sejak sebulan lalu.

“Saya juga mendapat maklumat kebanyakan kedai dan pasar raya di kawasan berhampiran juga tidak mempunyai bekalan minyak masak peket ini.

“Jadi, kami setakat ini hanya menjual minyak masak botol kerana hanya stok bekalan itu sahaja yang ada,” katanya.

Di **Kuala Terengganu**, bekalan minyak masak peket di beberapa kedai runcit dan pasar raya di bandar raya ini dan Kuala Nerus mula kehabisan bekalan, manakala sebahagian lagi mengambil pendekatan mengehadkan pembelian kepada tiga peket bagi setiap pelanggan.

Seorang pelanggan, Zabedah Abdul Halim, 44, berkata, dia terpaksa membeli minyak masak botol tidak bersubsidi yang lebih mahal ekoran kesukaran mendapatkan minyak masak peket.

“Puas saya pergi ke banyak kedai runcit dan pasar raya tetapi susah hendak jumpa minyak masak peket.

“Saya dengar-dengar banyak bekalan diborong peniaga kedai makan dan restoran, tidak patutlah macam itu. Minyak masak subsidi sepatutnya untuk kegunaan rakyat marhaen seperti kami,” katanya.

Di **Kuala Langat**, seorang peniaga kedai runcit di Kampung Kebun Bharu dikenali Eden, 30, berkata, para peniaga dan pengusaha restoran mengeluh apabila bekalan minyak masak peket satu kilogram (kg) hanya diterima seminggu sekali.

“Para pembekal hanya menghantar bekalan berkenaan pada hari Jumaat setiap minggu. Jumlah diterima kira-kira 100 peket.

“Kadang-kadang tak sampai tiga hari, minyak peket licin dan orang ramai terpaksa menunggu untuk hantaran bekalan pada hari Jumaat seterusnya,” katanya.

Di **Parit**, seorang pengguna, Izuddin Saharudin berkata, pengguna terpaksa membeli minyak masak botol 1kg yang harganya lebih mahal berbanding minyak masak peket.

“Sudah hampir sebulan saya tidak melihat minyak masak peket dijual di pasar raya berdekatan rumah di Bandar Universiti, Seri Iskandar di sini,” katanya.

Di **George Town**, seorang pengusaha kedai runcit di daerah Barat Daya yang mahu dikenali sebagai Ahmad, 43, berkata, dia lebih mengutamakan pelanggan tetap dalam urusan pembelian minyak masak peket yang dijual pada harga RM2.50.

“Kami tiada jalan lain selain perlu mengutamakan pelanggan tetap. Minimum pembelian minyak masak peket 1kg tetap dihadkan sehingga dua peket untuk isi rumah termasuk perlu membeli barangan lain ketika membeli,” katanya.

Di **Alor Setar**, seorang peniaga, Shahidah Mohamad, 60, berkata, dia terpaksa meletakkan minyak masak peket di kaunter berbanding di hadapan kedai bagi mengelakkan pengguna membeli dengan kuantiti yang banyak.

“Jadi saya terpaksa catu iaitu seorang pelanggan hanya boleh dapat sepeket atau dua peket sahaja,” katanya.

Di **Bentong**, Ketua Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang, Normaswari Nordin memohon supaya peniaga kedai makan tidak menggunakan minyak peket bersubsidi yang dikhaskan untuk kegunaan isi rumah.



NATRAH menunjukkan bekalan minyak masak peket yang sudah tidak diterima sejak sebulan lalu di kedainya di Kota Bharu.




PENIAGA di Kuala Terengganu terpaksa menampal notis mengehadkan hanya tiga peket minyak masak bagi setiap pengguna.

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI : RABU
TARIKH : 24/11/2021
M/SURAT : 29

# Peniaga pening harga sayur naik

**GEORGETOWN:** Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyelesaikan segera isu kenaikan berganda harga sayur-sayuran di pasaran ketika ini.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader berkata, hasil siasatan pihaknya mendapati harga sayur-sayuran kini meningkat mencecah sehingga 200 peratus sejak dua minggu lalu sehingga membebankan para peruncit.

Menurutnya, pihak berwajib perlu mengambil langkah segera supaya perkara berkenaan tidak terus berlaku sekali gus memberi tekanan kepada pelbagai pihak terutama golongan pengguna.

"Beberapa peruncit mengadu pengedar dan pemborong memberi amaran kepada mereka kemungkinan harga sayur-sayuran lain akan naik dalam beberapa minggu akan datang.

"Hasil tinjauan CAP mendapati kubis bunga, sawi pendek (choy sum) dan brokoli berdepan kenaikan yang ketara iaitu dari 100 hingga 200 peratus diikuti sawi, kacang buncis serta kubis," katanya di sini semalam.

Justeru, beliau menyeru Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP menyiasat segera isu kenaikan harga sayur-sayur tersebut memandangkan golongan berpendapatan rendah akan terjejas teruk dengan kenaikan harga barang ketika ini.

"Ambil tindakan keras terhadap peniaga yang menaikkan harga secara berlebihan serta melanggar Akta Anti-Pencatutan 2010.

"CAP juga telah berulang kali menyeru FAMA mengawal pemasaran dan pengedaran sayur-sayuran di negara ini tetapi seruan kami tidak didengari," keluhnya.

Harian Metro

HARI : RABU

TARIKH : 24/11/2021

M/SURAT : 3

# Harga brokoli, kubis bunga naik 200%

**Georgetown:** Kenaikan harga sayur sehingga 200 peratus seperti kubis bunga daripada RM7 kepada RM16 sekilogram serta brokoli daripada RM8 kepada RM20 sekilogram perlu diberi perhatian utama.

Saranan itu dibuat Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) yang menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) untuk segera mengambil tindakan bagi mengatasi isu terbabit.

"Kenaikan sehingga 200 peratus itu dilaporkan sejak dua minggu lalu. Ia susulan aduan diterima CAP daripada peruncit.

"Beberapa peruncit mengadu, pengedar dan pemborong sudah memberi amaran bahawa harga sayur-sayuran lain mungkin akan naik dalam beberapa minggu akan datang," kata Presidennya, Mohideen Abdul Kader pada kenyataan semalam.




Menurut Mohideen, sayuran itu antara lain membabitkan sawi pendek daripada RM3 kepada RM9, sawi daripada RM5 kepada RM8 serta kacang buncis daripada RM8 kepada RM15 sekilogram.

Kubis pula naik daripada RM4 kepada RM6, cili merah RM13 kepada RM19 dan cili hijau RM10 kepada RM14 sekilogram.

"CAP menyeru KPDNHEP supaya menyiasat kenaikan harga ini kerana ia memberi kesan kepada golongan berpendapatan rendah," katanya.

Di samping itu, menurut Mohideen, tindakan perlu diambil terhadap peniaga yang menaikkan harga secara berlebihan serta melanggar Akta Anti-Pencatutan 2010.

"Fama juga diminta mengawal pemasaran dan pengedaran sayur-sayuran di negara ini," katanya.

Harian Metro

HARI : RABU
TARIKH : 24/11/2021
M/SURAT : 3

# Bekalan belum stabil punca naik harga

**Iskandar Puteri:** Pembukaan lebih banyak sektor ekonomi pada Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN), sejak bulan lalu antara punca kenaikan harga barangan keperluan, terutama harga ayam yang melambung.

**Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna negeri Dr Chong Fat Full** berkata, faktor itu disebabkan permintaan barangan makanan termasuk ayam meningkat mendadak namun bekalannya agak berkurangan.

"Situasi ini mungkin kesan sementara sebelum harga barangan kembali stabil apabila bekalan barangan dapat ditingkatkan seiring permintaan.

"Sejak banyak sektor ekonomi mula dibuka bulan lalu, harga barangan keperluan terutama ayam naik berikutan kesan sementara permintaan dan bekalan yang masih belum stabil atau pulih," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan **Faizul Amri Adnan (PKR-Serom)** pada Sidang Keempat Dewan Undangan Negeri (Dun) Johor yang ke-14 di sini, semalam.

Faizul bertanya berkaitan kenaikan mendadak harga barangan keperluan termasuk makanan kebelakangan ini yang menjejaskan golongan memerlukan di Johor.

"Peningkatan harga ayam kebelakangan ini contohnya, berpunca daripada kos penternakan ayam dan permintaan yang tinggi susulan banyak negeri, terutama Johor, sudah beralih ke Fasa 4 PPN bulan lalu mendorong kepada peningkatan permintaan.

"Apabila permintaan naik dan bekalan barangan kurang, sudah tentu harga keperluan termasuk ayam naik mendadak, dengan harga ayam contohnya, sering jadi rungutan pengguna," katanya.

> "Pengguna perlu main peranan bagi memastikan harga barangan terkawal"
> Fat Full

Sementara itu, Fat Full yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pemanis berkata, kerajaan sudah mengambil tindakan termasuk menguatkuasakan harga siling malah penguat kuasa turut digerakkan untuk memantau harga barangan supaya ia tidak dijual melebihi harga siling.

Katanya, bagi harga barangan yang tidak dikawal, ia tertakluk kepada faktor permintaan dan bekalan.

"Pengguna juga perlu memainkan peranan bagi memastikan harga barangan akhirnya terkawal.

"Ia termasuk menjadi pengguna bijak dengan membeli barangan yang dijual pada harga murah," katanya.

TELUS & TULUS
Sinar Harian
sinarharian.com.my

HARI : RABU
TARIKH : 24/11/2021
M/SURAT : 24

# Lapan jenis sayur naik harga - CAP

## KPDNHEP, FAMA digesa ambil tindakan segera

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

**INFO**

| JENIS | HARGA SEBELUM/KG | HARGA TERKINI/KG |
|---|---|---|
| • Kubis bunga | RM7 | RM16 |
| • Sawi pendek | RM3 | RM9 |
| • Brokoli | RM8 | RM20 |
| • Sawi | RM5 | RM8 |
| • Kacang buncis | RM8 | RM15 |
| • Kubis | RM4 | RM6 |
| • Cili merah | RM13 | RM19 |
| • Cili hijau | RM10 | RM14 |



Harga beberapa jenis sayur-sayuran didapati naik mendadak. - *Gambar hiasan*

GEORGETOWN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) digesa supaya mengambil tindakan segera dalam menangani masalah kenaikan harga sayur.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, harga beberapa jenis sayur-sayuran di pasaran didapati naik sehingga 200 peratus sejak dua minggu lalu.

Katanya, lapan jenis sayuran didapati naik harga antaranya kubis bunga, sawi pendek, brokoli, sawi, kacang buncis, kubis, cili merah dan cili hijau.

"Harga kubis bunga sebelum ini hanya RM7 sekilogram (kg) namun kini naik sehingga RM16. Paling teruk, sawi pendek yang didapati naik sehingga 200 peratus iaitu daripada RM3 ke RM9.

"Brokoli juga naik mendadak iaitu sebanyak 150 peratus iaitu daripada RM8 ke RM20.

"Sementara itu, harga sawi naik daripada RM5 ke RM8(60 peratus); kacang buncis daripada RM8 ke RM15 (88 peratus); kubis daripada RM4 ke RM6 (50 peratus), cili merah daripada RM13 ke RM19 (46 peratus) dan cili hijau daripada RM10 ke RM14 (40 peratus)," kata Mohideen dalam satu kenyataan pada Selasa.

Tambahnya, lebih merunsingkan, peruncit mendakwa mereka diberitahu oleh pengedar dan pemborong bahawa kemungkinan harga sayur-sayuran lain juga akan naik.

"Mereka mendakwa bahawa sayur-sayuran lain juga akan naik beberapa minggu akan datang. Perkara ini amat membimbangkan.

"Sehubungan itu, CAP menggesa Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP untuk menyiasat kenaikan harga ini.

"Perkara ini akan memberi impak kepada golongan berpendapatan rendah. Golongan ini akan terjejas teruk dengan kenaikan harga barang seperti sayur-sayuran ini," katanya.

Beliau turut menggesa agar tindakan keras terhadap peniaga yang menaikkan harga secara berlebihan serta melanggar Akta Anti-Pencatutan 2010.

"CAP juga telah berulang kali meminta agar FAMA mengawal pemasaran dan pengedaran sayur-sayuran di negara ini tetapi gesaan kami tidak diendahkan," kata beliau.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : RABU

TARIKH : 24/11/2021

M/SURAT : 1

# Harga sayur melonjak, kobis bunga kini RM16 sekilogram



LAPAN jenis sayuran di Pulau Pinang dikesan mengalami kenaikan mendadak sehingga mencecah 200 peratus iaitu kubis bunga, sawi pendek, sawi, brokoli, kacang buncis, kubis, cili merah dan cili hijau. » BERITA DI MUKA 8

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : RABU
TARIKH : 24/11/2021
M/SURAT : 8

Peniaga Pulau Pinang terpaksa berdepan kerugian, barangan basah tak laku

# Harga sayur naik dua kali ganda

Oleh NOOR HASLIZA NUSI



SEORANG peniaga menimbang sayur semasa tinjauan kenaikan harga barangan basah di Pasar Awam Bayan Baru, Bayar Lepas, Pulau Pinang semalam.

**GEORGE TOWN** – Harga beberapa jenis sayur-sayuran di negeri ini mengalami kenaikan sebanyak 40 hingga 200 peratus dalam tempoh dua minggu kebelakangan ini.

Kenaikan sebanyak RM2 hingga RM12 mengikut jenis sayur itu dikesan di beberapa pasar di Bayan Baru, Taman Tun Sardon, Jelutong, Batu Lanchang, Ayer Itam dan Pulau Tikus di bahagian pulau oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP).

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, lapan jenis sayuran yang mengalami kenaikan harga adalah kubis bunga, sawi pendek, sawi, brokoli, kacang buncis, kubis, cili merah dan cili hijau.

"Harga kobis bunga meningkat kepada RM16 berbanding RM7 sekilogram sebelum ini, harga sawi pendek atau choy sum pula RM9 berbanding RM3, manakala harga brokoli naik daripada RM8 kepada RM20," katanya di sini semalam.

Selain itu, harga sekilogram sawi meningkat kepada RM8 berbanding RM5, kacang buncis (RM15 berbanding RM8), kubis (RM6 berbanding RM4), cili merah (RM19 berbanding RM13) dan cili hijau (RM14 berbanding RM10).

Mohideen memberitahu, peniaga mendakwa mereka diberi amaran oleh pemborong bahawa harga beberapa sayuran lain juga akan meningkat dalam masa terdekat.

"CAP menyeru pasukan penguat kuasa agar menyiasat perkara ini kerana golongan berpendapatan rendah akan terjejas teruk sekiranya harga barangan meningkat," ujarnya.

Sementara itu, rata-rata peniaga di beberapa pasar awam di daerah Barat Daya dan Timur Laut mengakui mereka berdepan keluhan dan rungutan daripada pelanggan disebabkan kenaikan barangan basah tersebut.

Wakil peniaga di pasar awam daerah Barat Daya, Izam Abd. Hamid, 42, berkata, pihaknya berdepan dengan isu kenaikan harga sayur-sayuran daripada peringkat pemborong di negeri ini sejak minggu lalu.

"Mereka (pemborong) langsung tidak memberi sebarang alasan tentang kenaikan ini, jadi kami mengagak berkemungkinan disebabkan cuaca hujan sehingga menjejaskan pengeluaran sayur-sayuran.



MOHD. RIDZUAN

"Selain itu, kami tidak menolak kemungkinan kenaikan harga sayur berpunca daripada kenaikan harga baja tanaman di peringkat pekebun," katanya ketika ditemui *Kosmo!* semalam.

Justeru, Izam memberitahu, isu kenaikan harga sayur-sayuran itu perlu dijelaskan oleh pihak yang berkaitan dan diselesaikan di peringkat akar umbi.

Jelas Izam, berikutan itu, dia terpaksa menaikkan harga sayur-sayuran sebanyak RM1 hingga RM2 selain berdepan kerugian berikutan jualan merosot sehingga terpaksa membuang sayur-sayuran yang rosak dan layu.

"Sebelum ini, sebiji brokoli dengan anggaran berat tidak sampai setengah kilogram dijual pada harga RM5, tetapi hari ini dijual RM10 sebiji.

"Kubis pula dijual pada harga RM6.80 (425 gram) berbanding RM3.40 dengan berat yang sama pada awal bulan ini," jelas peniaga itu.

Dalam pada itu, Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Pulau Pinang, Mohd. Ridzuan Ab. Ghapar memaklumkan, pihaknya akan segera menjalankan siasatan berhubung isu tersebut.

Beliau tidak menolak kemungkinan faktor cuaca menjadi salah satu punca kenaikan harga sayur-sayuran ketika ini.

Walau bagaimanapun, katanya, tindakan tegas boleh dikenakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 sekiranya terdapat keraguan berhubung kenaikan harga barangan secara tidak munasabah.

NEW STRAITS TIMES

HARI : RABU
TARIKH : 24/11/2021
M/SURAT : 13

# CAP urges Fama, ministry to act over skyrocketing prices of veggies

AUDREY DERMAWAN
**GEORGE TOWN**
news@nst.com.my

THE Consumers' Association of Penang (CAP) has urged the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry and the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) to take immediate steps to reduce the prices of vegetables, which have shot up in recent days.

CAP president Mohideen Abdul Kader said checks showed that the prices of some vegetables had increased by up to 200 per cent in the past two weeks.

He said several retailers had complained that distributors and wholesalers had also warned them that the prices of other vegetables might go up in the coming weeks.

"As such, CAP calls on the enforcement division of the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry to investigate the price increases as average income earners will be badly affected by escalating prices of vegetables.

"Authorities must also crackdown on traders who hike their prices excessively and violate the Anti-Profiteering Act 2010," he said yesterday.

Checks showed that prices of *sawi pendek* (choy sum) had increased from RM3 per kg to RM9 per kg, a hike of 200 per cent; broccoli from RM8 per kg to RM20 per kg, an increase of 150 per cent; and, cauliflower from RM7 per kg to RM16 per kg, a rise of 100 per cent.

Others included french beans (kacang buncis) from RM8 per kg to RM15 per kg (88 per cent increase), sawi from RM5 per kg to RM8 per kg (60 per cent increase), cabbage from RM4 per kg to RM6 per kg (50 per cent increase), red chili from RM13 per kg to RM19 per kg (46 per cent increase) and green chili from RM10 per kg to RM14 per kg (40 per cent increase).

Mohideen said CAP had repeatedly called on Fama to take control of the marketing and distribution of vegetables in the country.

"Unfortunately, our calls have fallen on deaf ears," he added.



*Checks in several Penang markets have found the prices of some vegetables have increased by up to 200 per cent in the past two weeks.* FILE PIC

theSun

HARI : RABU

TARIKH : 24/11/2021

M/SURAT : 4



**STILL REASONABLE ...** Consumers selecting vegetables at a wet market amid recent reports of price hikes driven by post-lockdown demand. – ***BERNAMAPIX***

TELUS & TULUS
Sinar Harian
sinarharian.com.my

HARI : RABU
TARIKH : 24/11/2021
M/SURAT : 3

# Kandungan iklan di media sosial tertakluk pada undang-undang Malaysia

**SHAH ALAM -** Pengendali media sosial seperti Facebook, Instagram dan YouTube yang berpangkalan di luar negara telah menetapkan terma perkhidmatan serta piawaian komuniti bagi sebarang penyebaran kandungan di platform dalam talian itu.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berkata, bagi kandungan iklan yang berunsurkan bahan lucah, ia tertakluk kepada peruntukan undang-undang di negara ini.

Menurutnya, penguatkuasaan dilakukan oleh beberapa kementerian dan agensi kerajaan bergantung kepada bentuk kesalahan dilakukan.

"Agensi terlibat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan SKMM.

"Kandungan Komunikasi dan Multimedia juga boleh digunakan sebagai garis panduan kepada pengiklan yang meliputi pengiklanan dalam talian.

"SKMM akan mengambil tindakan berbentuk administratif merangkumi laporan penyalahgunaan kepada penyedia platform dan pemberian nasihat serta panduan mengenai langkah-langkah lain yang boleh dilakukan pengadu," katanya.

Tambah SKMM, kerjasama dan koordinasi telah sedia terjalin antara SKMM dengan pihak penyedia platform media sosial.

Sehubungan itu, SKMM mengingatkan peniaga supaya tidak melakukan perkara yang boleh melanggar mana-mana peruntukan undang-undang di negara ini.

"Berlandaskan laporan dan aduan awam, tindakan penguatkuasaan akan disusuli ke atas pelaku kesalahan terbabit," katanya.

BH BeritaHarian

HARI : RABU
TARIKH : 24/11/2021
M/SURAT : 13

# Penguasaan ilmu matematik pengguna elak jerat hutang

Ng Ai Pin
Kuching, Sarawak

**Kita** selalu mendengar ayat seperti 'ingin jadi jutawan?' atau 'ingin membuat pelaburan dengan jayanya?' Semua itu kerap terpapar, terutama dalam media sosial.

Justeru, tidak hairan apabila masyarakat mula terpengaruh dan mendambakan untuk memperoleh keuntungan, terutama menerusi pelaburan digital. Malangnya, berlaku banyak kes penipuan pelaburan, termasuk dilakukan dalam alam siber yang menyebabkan masyarakat menjadi mangsa.

Sebenarnya, sangat penting untuk kita sebagai pengguna berupaya untuk melakukan penaakulan yang betul dan tepat sebelum membuat apa-apa pelaburan. Hal ini bermula dengan kemahiran matematik pengguna yang perlu dipupuk sejak di bangku sekolah, dengan kata lain melentur buluh biarlah daripada rebungnya.

Untuk menjanakan kemahiran matematik pengguna yang baik, pendekatan kontekstual mampu dilakukan. Ia dibuat dengan memotivasikan murid untuk memproseskan maklumat diperoleh dengan kemahiran matematik yang dipelajari.

Misalnya, ajak mereka bagaimana hendak membeli kereta idaman. Caranya mudah, guru boleh membawa murid ke dunia perniagaan secara maya. Bawa mereka meninjau harga kereta idaman, buat kiraan anggaran tanggungan ansuran bulanan.

Pendidikan mudah seperti ini memberi ruang kepada murid untuk menggunakan kefahaman konsep matematik pengguna serta mengoptimumkan penghayatan ilmu yang ditimba.

Dari sini, murid sudah dididik untuk melakukan penaakulan mengenai urus jual beli kereta. Murid boleh membuat keputusan yang bijak serta memberi justifikasi dalam kos perbelanjaan melalui proses peninjauan laman web perniagaan.

Didik mereka dengan amalan meninjau, meneliti dan menyelidik ini bagi menimbulkan keyakinan, selain memberitahu mereka, sebagai pengguna kita perlu lebih cerdik dan berwaspada, sekali gus mengelak daripada menjadi mangsa peniaga tidak beretika.

Sekitar November 2019, pada sidang media Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), didedahkan mengenai ramai pengguna tidak sedar akan hak mereka juga isu kepenggunaan.

> Berdasarkan kepentingan matematik pengguna ini, adalah baik jika penerapan konsep wang kredit seperti pinjaman peribadi dibuat dalam sukatan mata pelajaran di sekolah

Selain perlu sedar mengenai hak, pengguna juga perlu ada kemahiran matematik pengguna bagi memastikan tidak ditipu, selain membantu seseorang itu lebih mahir dalam pengurusan kewangan.

Dalam hal ini pengguna perlu dididik mengenainya sejak zaman sekolah. Mereka perlu disedarkan, pengurusan kewangan yang lemah akan menjerat masa depan dengan hutang. Ini bertepatan dengan laporan Bank Dunia pada 2019 yang menyebut 60 peratus golongan muflis adalah kelompok orang muda disebabkan kegagalan membayar hutang kad kredit.

Sehubungan itu, berdasarkan kepentingan matematik pengguna ini, adalah baik jika penerapan konsep wang kredit seperti pinjaman peribadi dibuat dalam sukatan mata pelajaran di sekolah.



Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : RABU

TARIKH : 24/11/2021

M/SURAT : 16



**Senarai Harga Barang Keperluan**

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Ayam | RM6.49 | Telur Gred A | RM11.90 | Gula Pasir | RM2.85 | Cili Merah | RM11.99 |
| Daging Lembu Tempatan | RM34 | Ikan Kembung | RM10.99 | Bawang Besar Holland | RM2.99 | Kubis Bulat Tempatan | RM4 |
| Daging Lembu Import | RM28 | Minyak Masak | RM6.40 | Bawang Putih | RM5.50 | Tepung Gandum | RM2.19 |

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR
# DAN MEDIA ONLINE
# (AGENSI KPDNHEP)

## 24 NOVEMBER 2021 (RABU)

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI : RABU
TARIKH : 24/11/2021
M/SURAT : 24

# SSM Perak beroperasi di pejabat baharu mulai 6 Disember

**KUALA LUMPUR** - Pejabat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Perak akan berpindah ke lokasi baharu di Menara SSM Perak, Jalan Basco Kepayang 1, Basco Avenue @Kepayang di sini mulai 6 Disember ini.

SSM dalam satu kenyataan berkata, Pejabat SSM Perak itu akan menerapkan konsep baharu yang mesra pelanggan dan memberi keutamaan kepada operasi penyampaian perkhidmatan secara dalam talian.

Menurut kenyataan tersebut, ketika ini Pejabat SSM Perak beroperasi di Tingkat 2C, Angsana Ipoh Mall di sini.

"Pejabat SSM Negeri Perak akan beroperasi seperti biasa pada Isnin hingga Jumaat bermula jam 8.15 pagi hingga 4.15 petang.

"Sebarang pertanyaan, pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan SSM di talian **03-77214000** atau e-mel kepada *enquiry@ssm.com.my*," kata kenyataan itu pada Selasa.